

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan laporan aktiviti IM4U termasuk perbelanjaan, senarai aktiviti, negeri dan organisasi rakan (partner organisations). Adakah objektif-objektif utama IM4U telah tercapai.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1Malaysia For Youth atau lebih dikenali sebagai iM4U adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengerakkan aktiviti kesukarelawanan di kalangan belia di negara ini. Bagi tujuan ini, Kerajaan Persekutuan sehingga kini telah memberikan dana sebanyak RM145 juta kepada iM4U bagi membiayai pelbagai program kesukarelawan.

Bagi memantapkan semangat kesukarelawanan, sebanyak 1,500 aktiviti sukarelawan yang diterajui oleh iM4U telah dilaksanakan di seluruh negara. Kesemua aktiviti-aktiviti adalah bertepatan dengan iM4U mencapai objektif utama iM4U iaitu meningkatkan semangat kesukarelawan di kalangan belia.

Sekian. Terima kasih.